

**Pengurusan sisa pepejal bandar: penelitian ke atas kerjasama swasta dan awam di  
Kuching, Sarawak**

**ABSTRACT**

Isu pengurusan sisa pepejal yang tidak efisien merupakan antara kekangan yang dihadapi di negara-negara membangun termasuk Malaysia. Lebih kurang 37, 890 tan sisa dihasilkan setiap hari di Malaysia iaitu setiap individu menghasilkan sekurang-kurangnya 1.17 kilogram sisa. Jumlah tersebut akan terus meningkat seiring dengan peningkatan populasi penduduk terutamanya di kawasan bandar. Antara langkah alternatif yang diambil bagi menghadapi masalah tersebut adalah dengan menggalakkan penglibatan syarikat swasta dalam pengurusan sisa pepejal. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tanggungjawab dan peranan pihak swasta dan awam dalam pengurusan sisa pepejal di Taman Kopodim dan Taman Dahlia, Kuching. Objektif kedua kajian ini adalah untuk menilai persepsi penduduk di taman perumahan tentang kualiti perkhidmatan penglibatan syarikat swasta dalam pengurusan sisa pepejal. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan dan temu bual. Bilangan sampel dalam kajian ini adalah seramai 100 orang responden. Dapatan menunjukkan bahawa pengurusan sisa pepejal di Bandaraya Kuching, Sarawak khususnya di kawasan kajian (Taman Kopodim dan Taman Dahlia) adalah di bawah tanggungjawab Syarikat Trieneken yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah perjanjian konsesi. Selain itu, persepsi penduduk terhadap kualiti pengurusan sisa pepejal yang disediakan oleh Syarikat Trieneken adalah pada tahap sederhana dan memuaskan. Kajian berkenaan penglibatan syarikat swasta dalam pengurusan sisa pepejal masih kurang dilakukan terutamanya di Malaysia. Oleh itu, hasil dapatan artikel ini mampu memberi pandangan luas terhadap penglibatan syarikat swasta dalam pengurusan sisa pepejal terutamanya di negara-negara membangun seperti Malaysia.